

## Untung bersih Sunway Construction naik

**KUALA LUMPUR** – Keuntungan bersih Sunway Construction Group Bhd. bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 meningkat kepada RM144.69 juta berbanding RM132.29 juta pada tahun 2017.

Pendapatan bertambah kepada RM2.25 bilion berbanding RM2.07 bilion sebelum ini, berikutan segmen pembinaan yang mengimbangi pengurangan dalam pendapatan daripada segmen pratuang.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam, segmen pembinaan mencatat pertumbuhan yang kukuh dengan jumlah RM2.12 bilion berbanding RM1.93 bilion sebelumnya, disokong daripada sumbangan lebih tinggi daripada semua bahagian iaitu sektor awam, geoteknik, pembinaan dan mekanikal, elektrik serta paip.

Selain itu, segmen pracetak mencatat perolehan yang rendah iaitu RM133.7 juta berbanding RM144.9 juta - tempoh yang sama sebelumnya yang disumbangkan daripada projek yang telah disiapkan.